

Buang bendera depani masalah

Oleh Muhammad
Saufi Hassan
saufi@hmetro.com.my
Bangi

'Bencana' keganasan persepsi hanya dapat diatasi dalam kalangan masyarakat jika umat Islam di negara ini menepikan perbezaan fahaman terutamanya ideologi politik yang dilihat menjadi ancaman terbesar kepada agenda perpaduan Ummah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, bencana persepsi itu hanya dapat diatasi jika semua pihak tidak mengira bendera politik bersama-sama mendepani isu ini sekali gus mengelak berlakunya sebarang bentuk kewujudan persepsi pada masa depan.

"Jika kita lihat di negara lain, mereka hanya menggunakan platform politik pada waktu pilihan raya saja, selepas itu tidak kedengaran lain soal-soal politik sama ada dalam bentuk persepsi atau se-



JAMIL Khir (tengah) bercakap pada forum, semalam.

bagainya.

"Namun keadaan berbeza di negara kita, tujuh hari seminggu, 30 hari sebulan dan 24 jam sehari. Itu gambaran politik yang berlaku di Malaysia. Kita tidak henti-henti bercakap serta mewujudkan persepsi," katanya pada forum Keganasan Persepsi: Cabaran Terhadap Perpaduan Ummah, di sini, semalam.

Jamil Khir berkata, apabila terlalu banyak garapan masuk, maka ia mem-

bina persepsi yang mengancam asas perpaduan dalam kalangan masyarakat yang mahu dibina.

Beliau berkata, umat Islam juga perlu meneliti kesahihan setiap maklumat diperoleh sebelum menyebarkan kepada pihak lain menerusi pelbagai platform seperti WhatsApp dan laman sosial.

"Kita lihat sekarang umat Islam di negara ini menghadapi masalah keganasan persepsi yang amat serius kerana kita

terpecah dengan banyak unsur antaranya politik dan kefahaman agama.

"Umat Islam sepatutnya bersatu hati dan bersama dalam menangani pelbagai masalah demi kepentingan ummah termasuk isu tuntutan hak golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dan rasuah. Soal perpaduan bukan hanya isu orang Melayu dan Islam sahaja tetapi semua lapisan masyarakat di negara ini," katanya.

Bangi

Pelajar bukan 'alat' dieksploitasi segelintir pihak berkepentingan

Golongan pelajar tidak harus menjadi 'alat' dalam penyebaran keganasan persepsi yang dieksploitasi segelintir pihak berkepentingan, sebaliknya perlu lebih matang dalam menerima maklumat berkenaan dengan melakukan analisis sewajarnya.

Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Muhammad Farhan Khairuddin berkata,

permainan persepsi ini sangat bahaya kerana ia bukan saja mampu untuk membunuh sesuatu karektor atau pemimpin tertentu, malah menyembunyikan kebenaran.

"Kita terutamanya golongan pelajar harus sedar terhadap satu fakta penting dalam persepsi ini bahawa tidak semestinya majoriti yang mewakili persepsi itu benar, manakala persepsi

yang diwakili minoriti itu salah. Kadangkala, hakikat sebenar adalah sebaliknya.

"Persepsi ini bukan soal siapa benar atau salah, tetapi pihak mana yang bijak bermain dengan persepsi akan meracuni fikiran masyarakat sehingga percaya bahawa mereka adalah benar dan pihak lain adalah salah," katanya sempena forum Keganasan Persepsi: Cabaran Terhadap

Perpaduan Ummah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Muhammad Farhan berkata, masalah persepsi itu bukan saja memberi gambaran buruk terhadap seseorang atau sesebuah organisasi, malah ia mampu memecahbelahkan kesatuan masyarakat sehingga menyukarkan agenda perpaduan.